

**KEPERLUAN UJIAN BERTULIS DAN TEMUDUGA DALAM PELANTIKAN PEGUAM
SYARIE: ANALISIS DAN CADANGAN**

***THE NEED FOR WRITTEN EXAMINATIONS AND INTERVIEWS IN THE APPOINTMENT
OF SYARIE LAWYERS: AN ANALYSIS AND RECOMMENDATIONS***

i.* Abdul Karim Ibrahim, ii. Amirah Aqilah Mohd Zin, iii. Hasnizam Hashim & iv. Mohd Sabree Nasri

i, iii Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ii, iv Fakulti Undang-undang, Governon dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Islam Melaka, Batu 28, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka

*(Corresponding author) e-mail: abdulkarim@unimel.edu.my

ABSTRACT

This study examines the need to implement written examinations and interviews in the appointment process of syarie lawyers in Malaysia. The syarie legal profession plays a crucial role in safeguarding the rights of relevant parties in the Syariah Courts and in upholding justice based on Islamic law. However, inconsistencies in the qualification requirements for written examinations and interviews across different states have given rise to issues of unequal assessment standards and have hindered the mobility of syarie lawyers to practise in multiple states. The central issue addressed in this study is whether a standardised system should be established to enhance the integrity of the syarie legal profession and strengthen public confidence in Islamic judicial institutions. Accordingly, the objectives of this study are to identify the concept of syarie lawyer appointment according to legal provisions and Islamic principles, to evaluate the current implementation of written examinations and interviews, and to propose improvements to address existing inconsistencies. This study adopts a qualitative doctrinal approach through library-based analysis of enactments, appointment procedures, books, articles, and academic journals. In addition, semi-structured interviews were conducted to obtain empirical insights from officers and practitioners in the field of Syariah law. The findings reveal significant differences among states in determining examination and interview requirements, which affect the uniformity of assessment standards and create confusion among candidates. The study proposes the development of standardised guidelines covering assessment criteria, examination content, categories of candidates required to sit for written examinations, and the publication of a repository of past examination questions as an official reference. Overall, this study contributes to strengthening a more transparent and uniform appointment system for syarie lawyers nationwide without undermining state jurisdiction. In conclusion, standardisation is regarded as a vital measure to ensure that the syarie legal profession remains credible, respected, and central to the administration of justice within Malaysia's Islamic legal system.

Keywords: *Syarie Lawyer; Writing Test; Interview; Non-Aligned; Standardization; Syarie Court.*

ABSTRAK

Kajian ini meneliti keperluan pelaksanaan ujian bertulis dan temuduga dalam proses pelantikan peguam syarie di Malaysia. Profesion guaman syarie memainkan peranan penting dalam memastikan hak-hak pihak berkenaan di Mahkamah Syariah terpelihara serta keadilan ditegakkan berasaskan hukum syarak. Walau bagaimanapun, ketidakselarasan syarat kelayakan ujian bertulis dan temuduga antara negeri menimbulkan isu standard penilaian yang berbeza serta menyukarkan mobiliti peguam syarie untuk beramal di pelbagai negeri. Persoalan utama yang timbul ialah sama ada perlu diwujudkan sistem penyeragaman bagi meningkatkan integriti profesion guaman syarie serta keyakinan masyarakat terhadap institusi kehakiman Islam. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti konsep pelantikan peguam syarie menurut undang-undang dan prinsip Islam, menilai pelaksanaan semasa ujian bertulis dan temuduga, serta mencadangkan penambahbaikan terhadap ketidakselarasan yang wujud. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk doktrinal melalui analisis kepustakaan terhadap enakmen, kaedah pelantikan, buku, artikel, dan jurnal akademik. Di samping itu, kaedah temubual separa berstruktur turut dijalankan bagi memperoleh pandangan empirikal daripada pegawai dan pengamal undang-undang syariah. Hasil kajian menunjukkan wujudnya perbezaan ketara antara negeri dalam menetapkan syarat ujian dan temuduga yang memberi kesan kepada tahap keseragaman penilaian serta menimbulkan kekeliruan dalam kalangan calon. Kajian ini mencadangkan garis panduan penyeragaman meliputi aspek pemarkahan, kandungan ujian, kategori calon yang perlu menduduki ujian bertulis, serta penerbitan bank soalan terdahulu sebagai rujukan rasmi. Secara keseluruhan, kajian ini menyumbang kepada pengukuhan sistem pelantikan peguam syarie yang lebih telus dan seragam di seluruh negara tanpa menjejaskan bidang kuasa negeri. Kesimpulannya, penyeragaman dianggap langkah penting bagi memastikan profesion peguam syarie terus berwibawa, dihormati, dan menjadi teras keadilan dalam sistem perundangan Islam Malaysia.

Kata kunci: *Pelantikan Peguam Syarie; Ujian Bertulis; Temuduga; Ketidakselarasan; Penyeragaman; Mahkamah Syariah.*

Pendahuluan

Profesion peguam syarie memainkan peranan penting dalam sistem perundangan Islam di Malaysia sebagai wakil pihak-pihak yang berperkara di Mahkamah Syariah. Seiring perkembangan institusi kehakiman Islam dan peningkatan kes yang dibicarakan, profesion ini tidak lagi dianggap asing dalam masyarakat. Peguam syarie bukan sahaja bertindak sebagai wakil guaman, malah berfungsi sebagai penasihat undang-undang yang beretika, memastikan prinsip keadilan dan hak asasi pihak-pihak terpelihara selaras dengan tuntutan Syariah. Pertumbuhan firma-firma guaman Syariah di seluruh negeri turut menunjukkan peningkatan kepercayaan terhadap bidang guaman Syariah sebagai cabang profesional yang sah dan relevan dalam konteks undang-undang Islam kontemporari.

Pelantikan serta pengiktirafan peguam syarie dikawal oleh peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing, selaras dengan bidang kuasa negeri di bawah Senarai II, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Proses pelantikan ini bertujuan memastikan hanya individu yang memiliki kelayakan, integriti dan kompetensi tinggi dibenarkan beramal. Antara syarat lazim ialah beragama Islam, warganegara Malaysia, berkelakuan baik, serta memenuhi kriteria akademik dan profesional yang ditetapkan (Azam & Adil, 1997). Beberapa negeri turut menetapkan syarat tambahan seperti ujian bertulis dan temuduga bagi menilai kemahiran calon dalam pengendalian kes Syariah. Walau bagaimanapun, wujud perbezaan prosedur antara negeri, di mana sebahagian negeri menekankan kedua-dua bentuk penilaian iaitu ujian bertulis dan temuduga, manakala negeri lain hanya mensyaratkan salah satu.

Perbezaan ini menimbulkan persoalan dari segi penyeragaman standard kelayakan dan pelantikan. Walaupun setiap negeri mempunyai autonomi dalam menggubal undang-undang pentadbiran agamanya, namun ketiadaan keseragaman menimbulkan ketidakkonsistenan terhadap tahap profesionalisme peguam syarie di seluruh negara. Ketidaksejajaran ini berpotensi memberi implikasi terhadap kualiti perkhidmatan guaman Syariah serta tahap kepercayaan masyarakat terhadap sistem perundangan Islam yang berbeza-beza mengikut negeri.

Dari sudut perundangan, setiap negeri menggunakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam sebagai asas penggubalan kaedah pelantikan peguam syarie. Namun, terdapat keperluan untuk menilai sama ada pelaksanaan kaedah-kaedah tersebut mematuhi kuasa substantif yang diberikan oleh enakmen induk atau sebaliknya. Keadaan ini mewujudkan keperluan mendesak untuk menyeragamkan mekanisme pelantikan peguam syarie di seluruh Malaysia, bukan sekadar untuk menaikkan taraf profesionalisme guaman Syariah, tetapi juga untuk memperkukuh kedudukan institusi Mahkamah Syariah sebagai institusi kehakiman Islam yang diyakini, berwibawa, dan konsisten dari segi amalan undang-undang (Azam & Adil, 1997).

Oleh itu, kajian ini berhasrat menganalisis ketidakseragaman proses pelantikan peguam syarie antara negeri, menilai impaknya terhadap integriti sistem perundangan Islam, dan mencadangkan langkah penyeragaman yang berasaskan prinsip tadbir urus Syariah, profesionalisme, dan keadilan prosedural. Pendekatan ini diharapkan dapat mengukuhkan kualiti amalan guaman Syariah serta mempertingkatkan keyakinan masyarakat terhadap Mahkamah Syariah sebagai institusi keadilan Islam yang unggul.

Latar Belakang Kajian

Kemasukan seseorang sebagai peguam syarie di Malaysia ditadbir di bawah bidang kuasa negeri sebagaimana diperuntukkan dalam Senarai II, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Hal ini bermaksud setiap negeri mempunyai enakmen dan kaedah tersendiri yang mengawal proses pelantikan, kelayakan serta tauliah bagi membolehkan seseorang beramal sebagai peguam syarie di Mahkamah Syariah negeri tersebut. Walaupun kerangka perundangan negeri-negeri secara umumnya menunjukkan persamaan asas seperti syarat calon mesti beragama Islam, warganegara Malaysia, berakhlak baik, dan memiliki kelayakan akademik Syariah namun terdapat perbezaan yang signifikan dalam pelaksanaan ujian kelayakan, khususnya sama ada calon perlu lulus ujian bertulis dan temuduga secara serentak, atau memadai dengan salah satu daripadanya.

Sebagai contoh, Negeri Melaka menetapkan bahawa seseorang calon hanya akan diterima sebagai peguam syarie setelah lulus kedua-dua syarat, iaitu ujian bertulis dan temuduga rasmi. Di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 dalam bahagian Peraturan-Peraturan Pentadbiran Agama Islam (Peguam Syarie) Negeri Melaka 2022 memperuntukkan:

*(2)(c) telah lulus peperiksaan bertulis **DAN** lulus temuduga peguam syarie*

Begitu juga Johor mensyaratkan lulus ujian bertulis dan temuduga (jika difikirkan perlu). Manakala terdapat negeri-negeri yang mensyaratkan lulus ujian bertulis atau temuduga salah satunya telah pun memadai seperti negeri Terengganu, Pahang, Selangor, Kedah, Kelantan, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan. Sebagai contoh, dalam Peraturan-Peraturan Peguam Syarie (Kedah Darul Aman) 2016 memperuntukkan:

*9(1)(f) telah lulus ujian bertulis **atau** temuduga atau kedua-duanya sekali sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.*

Adapun Sabah dan Perlis mesyaratkan lulus dan/atau temuduga. Sebagai contohnya dalam Peraturan-Peraturan Peguam Syarie Negeri Perlis 2024 memperuntukkan:

*17(2)(c) telah lulus peperiksaan bertulis **dan/atau** lulus temu duga peguam syarie*

Adapun Pulau Pinang, Sarawak dan Perak mensyaratkan secara umum dalam enakmen pentadbiran Sebagai contohnya dalam Ordinan Mahkamah Syariah 2001 memperuntukkan:

28 (1) Tertakluk kepada subseksyen (2),(3) dan (4), Ketua Hakim Syarie boleh apabila dibayar fi yang ditetapkan, menerima masuk mana-maan orang yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang Undang-Undang Islam menjadi Peguam Syarie untuk mewakili pihak-pihak dalam apa-apa prosiding di hadapan Mahkamah Syariah.

Berikut adalah jadual peruntukkan undang-undang negeri-negeri berkaitan dengan syarat kelulusan ujian bertulis dan temuduga:

Jadual 1: Peruntukan Undang-undang Negeri-Negeri Berkaitan Syarat Kelulusan Ujian Bertulis dan Temuduga

Undang-Undang Negeri	Peruntukkan Undang-Undang
Johor Kaedah 9 Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Johor) 2015	9(1)(h) telah lulus ujian bertulis DAN temuduga sekiranya difikirkan perlu.
Melaka Peraturan 17 Peraturan-Peraturan Pentadbiran Agama Islam (Peguam Syarie) Negeri Melaka 2022	2(c) telah lulus peperiksaan bertulis DAN lulus temuduga peguam syarie.
Terengganu Kaedah 16 Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Terengganu 2018)	16(1)(f) telah menghadiri kursus, lulus ujian bertulis, temuduga ATAU mana-mana kombinasi sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.
Pahang Peraturan 9 Peraturan-Peraturan Peguam Syarie (Pahang) 2020	9(1)(h) telah lulus ujian bertulis ATAU temuduga atau kedua-duanya sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.
Selangor Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Selangor) 2008	8(1)(f) telah lulus bertulis ATAU temuduga atau kedua-duanya sekali sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.
Negeri Sembilan Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Sembilan 2012	9(1)(h) telah lulus ujian bertulis ATAU temuduga sekiranya difikirkan perlu.
Kedah Peraturan-Peraturan Peguam Syarie (Kedah Darul Aman) 2016	9(1)(f) telah lulus ujian bertulis ATAU temuduga atau kedua-duanya sekali sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.
Wilayah Persekutuan Akta profesion guaman syarie 2019	12 (1) (g) telah menghadiri dan lulus kursus pengajaran, Latihan, Pendidikan, temuduga ATAU peperiksaan yang ditetapkan oleh Lembaga, jika berkenaan
Kelantan Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982	20. Walau apa pun peruntukan subseksyen 18(2), seseorang peguambela dan penguamcara yang beragama Islam dan telah lulus temuduga ATAU ujian sijil Peguam Syarie yang ditetapkan di bawah kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Enakmen ini adalah layak untuk diterima menjadi Peguam Syarie di bawah subseksyen 18(1)
Sabah Kaedah 8 Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Sabah 2021	8(h) telah lulus bertulis DAN/ATAU temuduga atau kedua-duanya sekali sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.

Perlis Peraturan-Peraturan Peguam Syarie Negeri Perlis 2024	17(2)(c) telah lulus peperiksaan bertulis DAN/ATAU lulus temu duga peguam syarie.
Sarawak Ordinan Mahkamah Syariah 2001 Kelantan	28 (1) Tertakluk kepada subseksyen (2),(3) dan (4), Ketua Hakim Syarie boleh apabila dibayar fi yang ditetapkan, menerima masuk mana-maan orang yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang Undang-Undang Islam menjadi Peguam Syarie untuk mewakili pihak-pihak dalam apa-apa prosiding di hadapan Mahkamah Syariah.
Pulau Pinang Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004	80. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2),(3) dan (4), Majlis boleh menerima mana-mana orang yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang undang-undang Islam menjadi Peguam Syarie bagi mewakili pihak-pihak dalam apa-apa prosiding dalam Mahkamah Syariah
Perak Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perak 2004	69 (1) Tertakluk kepada subseksyen (2),(3) dan (4), Majlis boleh menerima mana-mana orang yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang undang-undang Islam menjadi Peguam Syarie bagi mewakili pihak-pihak dalam apa-apa prosiding dalam Mahkamah Syariah

Dalam artikel ini pengkaji hanya mengkaji dua negeri ini sahaja iaitu Melaka dan Johor. Ini kerana, statistik menunjukkan peningkatan ketara dalam kemasukkan peguam syarie di Melaka meningkat begitu ketara iaitu sebanyak 13 peratus pada tahun 2024, dengan 69 orang peguam syarie baharu terdiri daripada 27 lelaki dan 42 perempuan telah ditauliahkan untuk beramal berbanding tahun sebelumnya (Melaka Hari Ini, 2024). Angka ini menggambarkan pertumbuhan profesionalisme dan minat terhadap bidang guaman Syariah di negeri tersebut serta keberkesanan sistem penilaian dwi-syarat yang dilaksanakan.

Manakala di Negeri Johor, pada tahun 2023, 87 calon telah mendaftar untuk ujian bertulis di negeri tersebut namun hanya seorang berjaya lulus. Calon hanya perlu menduduki ujian bertulis dan sekiranya difikirkan perlu oleh pihak berkuasa, mereka akan dipanggil ke sesi temuduga (Malaysiagazette, 2023). Data ini menunjukkan bahawa penilaian kelayakan di Johor lebih selektif dari sudut akademik. Pendekatan sebegini memberi isyarat bahawa pelaksanaan standard pelantikan peguam syarie masih tidak seragam antara negeri-negeri di Malaysia.

Perbezaan dasar dan prosedur ini memberi implikasi langsung terhadap keadilan, kecekapan dan mobiliti profesional peguam syarie di Malaysia. Dari perspektif keadilan, calon di negeri tertentu perlu memenuhi lebih banyak syarat berbanding calon di negeri lain, sekaligus mewujudkan ketidakseimbangan peluang dalam memperoleh tauliah guaman. Dari aspek profesionalisme pula, ketiadaan penyeragaman berpotensi menghasilkan jurang kompetensi antara peguam syarie di pelbagai negeri. Hal ini boleh menjejaskan standard perkhidmatan guaman Syariah serta kepercayaan masyarakat terhadap integriti sistem kehakiman Islam.

Isu ini turut menimbulkan persoalan normatif dan pentadbiran: adakah perbezaan tersebut sejajar dengan semangat Perlembagaan yang memberi kuasa kepada negeri dalam urusan agama Islam, atau adakah ia memerlukan suatu penyelarasan nasional demi memastikan konsistensi dan kualiti perundangan Islam di Malaysia? Dalam konteks ini, keperluan menilai semula keperluan ujian bertulis dan temuduga menjadi penting, bagi menentukan sama ada seseorang calon perlu lulus kedua-duanya atau memadai dengan salah satu syarat bagi melayakkan mereka beramal secara sah dan beretika.

Justeru, kajian ini dijalankan untuk menganalisis rasional dan kesan perbezaan mekanisme pelantikan peguam syarie antara negeri-negeri di Malaysia, dengan fokus terhadap keperluan ujian bertulis dan temuduga sebagai piawaian profesional. Hasil kajian diharap dapat memberikan asas saintifik kepada usaha penyeragaman sistem pelantikan peguam syarie, memperkukuh profesionalisme guaman Syariah, serta mempertingkatkan kredibiliti Mahkamah Syariah dalam menjamin keadilan berasaskan Syariah secara menyeluruh.

Sorotan Literatur

Kajian yang dijalankan oleh Nurul Farhanah (2021) bertajuk Analisis Syarat Kelayakan Peguam Syarie Menurut Islam dan Perundangan di Malaysia meneliti kepentingan kelayakan peguam syarie berdasarkan prinsip Syariah dan undang-undang tempatan. Beliau menegaskan bahawa keperluan seperti keislaman, akhlak mulia dan kefahaman terhadap hukum Syariah adalah syarat asas yang selaras dengan prinsip al-wakalah dalam Islam. Walau bagaimanapun, artikel ini tidak meneliti secara mendalam perbezaan struktur dan prosedur penilaian antara negeri, khususnya isu sama ada calon perlu lulus kedua-dua ujian bertulis dan temuduga atau hanya salah satu daripadanya. Kekurangan ini menimbulkan jurang terhadap aspek penyeragaman dasar kelayakan dan standard profesionalisme peguam syarie yang merupakan fokus utama kajian ini.

Seterusnya, Nur Zulfah binti Md Abdul Salam (2020) dalam kajiannya bertajuk Amalan Perwakilan Peguam Syarie dalam Islam menekankan konsep al-wakalah bi al-khusumah sebagai asas legitimasi kepada profesion peguam syarie. Beliau menegaskan keperluan garis panduan khusus bagi menjamin keadilan dan pengiktirafan profesion guaman Syariah dalam institusi kehakiman Islam. Walaupun kajian ini memperkukuh asas teoretikal terhadap peranan peguam syarie dalam konteks Islam, namun ia tidak membincangkan secara spesifik ketidakseeragaman dalam kaedah pelantikan peguam syarie antara negeri yang menyebabkan perbezaan keperluan kelulusan ujian dan temuduga. Kekurangan ini membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan mengenai implikasi pentadbiran dan keadilan dalam pelaksanaan prosedur pelantikan yang berbeza.

Dalam kajian Professor Dato' Sri Ashgar Ali Ali Mohamed (2020) bertajuk Syarie Legal Profession: With Reference to Syarie Legal Profession (Federal Territories) Act 2019, penulis menghuraikan dengan terperinci aspek pendidikan, latihan profesional, etika dan disiplin sebagai asas pembentukan kecekapan peguam syarie. Beliau turut menegaskan keperluan penubuhan Lembaga Kelayakan Guaman Syarie bagi menyelia, melatih dan mengawal selia amalan profesion ini di peringkat kebangsaan. Walau bagaimanapun, kajian beliau lebih tertumpu kepada aspek pentadbiran dan pengawalseliaan tanpa menilai secara empirikal variasi syarat kemasukan antara negeri seperti pelaksanaan ujian bertulis dan temuduga yang menjadi elemen utama dalam sistem penilaian semasa.

Kajian oleh Muhammad Ilhamuddin Arsad (2020) bertajuk Pelanggaran Etika Peguam Syarie: Kajian di Negeri Selangor pula meneliti isu pelanggaran etika dan integriti profesional dalam kalangan peguam syarie yang direkodkan di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor. Kajian ini berjaya memperincikan bentuk-bentuk salah laku profesional serta mekanisme tatatertib yang digunakan. Namun, analisisnya hanya menyentuh secara sepintas lalu aspek pelantikan peguam syarie dan tidak meneliti ketidakseeragaman syarat kelayakan antara negeri yang berpotensi menjadi faktor penyumbang kepada isu etika dan profesionalisme dalam jangka panjang.

Selain itu, kajian Nur Zulfah (2020) turut menyentuh semula aspek syarat kelayakan peguam syarie dalam Kaedah-Kaedah Peguam Syarie pelbagai negeri. Walaupun penulis menjelaskan peranan syarat tersebut dalam menjamin kemasukan calon yang layak, beliau tidak membezakan antara kaedah pelaksanaan dengan enakmen utama yang menjadi dasar kuasa pelantikan. Kelemahan ini menunjukkan bahawa belum terdapat penyelidikan komprehensif yang menilai hubungan antara enakmen, kaedah pelaksanaan, dan implikasi keadilan terhadap calon peguam syarie.

Secara keseluruhan, tinjauan terhadap literatur sedia ada memperlihatkan bahawa kajian-kajian terdahulu lebih menumpukan kepada aspek teori perwakilan, etika profesion, dan struktur pentadbiran guaman Syariah, namun masih kurang memberi perhatian terhadap isu ketidakseeragaman standard kelayakan dan mekanisme penilaian antara negeri. Jurang ini penting untuk dikaji kerana ia menyentuh

prinsip keseragaman, tadbir urus dan keadilan prosedural dalam pelantikan peguam syarie di Malaysia. Oleh itu, kajian ini menumpukan kepada analisis perbandingan sistem pelantikan peguam syarie antara negeri dengan fokus terhadap keperluan lulus ujian bertulis dan temuduga, sebagai asas bagi mencadangkan satu model penyeragaman kelayakan guaman Syariah nasional yang adil, efisien dan selaras dengan Maqasid al-Syariah.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan tumpuan terhadap pemahaman makna, pengalaman dan pandangan pengamal guaman Syariah berhubung isu ketidakseragaman pelantikan peguam syarie di Malaysia. Pendekatan ini dipilih bagi mendapatkan penjelasan mendalam terhadap proses, tafsiran dan implikasi dasar pelantikan yang berbeza antara negeri.

Dari segi jenis penyelidikan, kajian ini bersifat doktrinal, iaitu meneliti dan menganalisis secara sistematik peruntukan undang-undang seperti Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Johor) 2015, serta dokumen-dokumen berkaitan bagi mengenal pasti persamaan, percanggahan dan rasional perundangan di sebalik pelantikan peguam syarie.

Data dikumpulkan melalui dua kaedah utama:

- i. Kajian kepustakaan, melibatkan analisis terhadap enakmen, buku, jurnal dan laporan rasmi untuk membina asas teori dan mengenal pasti jurang kajian; dan
- ii. Temu bual separuh berstruktur, melibatkan pegawai kehakiman Syariah dan peguam syarie bagi memperoleh pandangan empirikal tentang pelaksanaan sebenar ujian bertulis dan temuduga.

Analisis data dijalankan menggunakan analisis tematik dan kandungan untuk mengenal pasti tema, pola dan makna yang muncul daripada dokumen serta temu bual. Proses analisis merangkumi reduksi data, penyusunan tema dan pengesahan dapatan bagi menjamin kesahihan dan kebolehpercayaan hasil kajian.

Keseluruhan proses penyelidikan dilaksanakan berasaskan etika akademik, termasuk persetujuan responden, kerahsiaan maklumat dan penggunaan data bagi tujuan ilmiah semata-mata. Pendekatan metodologi ini membolehkan kajian mencapai objektifnya secara sahih, sistematik dan menyeluruh dalam menilai keperluan penyeragaman pelantikan peguam syarie di Malaysia.

Dapatan Dan Perbincangan

Pengamalan Ujian Bertulis Dan Temuduga Dalam Pelantikan Peguam Syarie

Di Negeri Johor pelantikan peguam syarie tidak hanya melibatkan soal kelayakan akademik semata-mata malah ia turut ditentukan melalui satu mekanisme pentadbiran yang tersusun dan berlandaskan peraturan perundangan. Secara umumnya, setiap negeri-negeri mempunyai Jawatankuasa Peguam Syarie yang menguruskan proses pelantikan peguam syarie. Jawatankuasa ini sama ada daripada Unit Perundangan di bawah Majlis Agama Islam Negeri atau pun jawatankuasa khas yang daripada Mahkamah Syariah. Jawatankuasa ini menjadi tunjang utama dalam menguruskan pelantikan peguam syarie. Selain itu, jawatankuasa ini berperanan sebagai satu platform rasmi bagi menyelaraskan segala urusan berkaitan pelantikan termasuk penyediaan garis panduan dan kaedah-kaedah tertentu yang perlu dipatuhi oleh calon peguam syarie (Halid Sono, 2025).

Proses amalan ujian bertulis dan temuduga ini merupakan salah satu syarat yang perlu dipenuhi dalam pelantikan peguam syarie. Kedua-dua cara penilaian ini berperanan penting untuk menilai bukan sahaja tahap pengetahuan calon peguam syarie berkaitan hukum syarak dan undang-undang malah ia juga menilai keupayaan calon peguam syarie untuk mengaplikasikan ilmu yang diperolehi itu dalam sistem amalan guaman.

Ujian bertulis adalah salah satu kaedah penilaian akademik dan teknikal yang menilai kefahaman calon peguam syarie mengenai sumber undang-undang, enakmen dan kaedah-kaedah perundangan yang berkaitan dengan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Selain daripada menilai kefahaman berkaitan undang-undang, ujian bertulis juga menilai calon-calon berkaitan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan ilmu Faraid (Halid Sono, 2025). Manakala temuduga pula suatu kaedah untuk menguji kemahiran lisan, pemikiran kritis dan keupayaan calon peguam syarie dalam memberikan hujah yang jelas dan berlandaskan dengan prinsip syarak. Berdasarkan kedua-dua kaedah ini, proses pelantikan peguam syarie dapat dijalankan dengan lebih menyeluruh dan adil. Hal ini kerana, pelantikan calon adalah melalui penilaian daripada aspek teori dan praktikal secara serentak (Halid Sono, 2025).

Oleh itu jelaslah bahawa pengamalan ujian bertulis dan temuduga dalam pelantikan peguam syarie adalah satu langkah yang sangat penting bagi memastikan kualiti profesion guaman syarie sentiasa terpelihara. Syarat-syarat ini yang wajib dipenuhi oleh calon peguam syarie bagi menilai calon-calon yang benar-benar layak diterima masuk sebagai peguam syarie dan beramal di sesebuah negeri. Penerapan kaedah ini bukan sekadar bersifat pentadbiran malah ia menunjukkan usaha berterusan untuk memartabatkan profesion guaman syarie (Halid Sono, 2025).

Dalam proses pelantikan peguam syarie calon yang ingin diterima masuk diwajibkan melalui beberapa bentuk penilaian rasmi. Antara bentuk penilaian utama ialah ujian bertulis yang disebut sebagai ‘tahrir al-imtihan’ dalam bahasa arab dan ujian lisan atau temuduga iaitu ‘al-imtihan al-syafawi’. Kedua-dua bentuk ujian ini diperkenalkan sebagai mekanisme pentaksiran bersepadu untuk menilai tahap kelayakan, ilmu dan akhlak calon sebelum mereka diterima masuk sebagai peguam syarie (Halid Sono, 2025).

Selain itu, ujian bertulis berperanan menilai keupayaan calon menguasai ilmu syariah dan perundangan secara teori. Soalan bertulis membolehkan penilai mengukur tahap pemahaman calon dalam aspek undang-undang seperti undang-undang keluarga Islam, kesalahan jenayah syariah, muamalat dan ilmu lain yang terdapat dalam prosiding mahkamah. Asas teori yang kukuh menjadi langkah penting sebelum seseorang calon diuji secara lisan. Proses ini secara tidak langsung memastikan setiap calon peguam syarie itu mampu menulis dan menyusun fakta dengan baik dan menunjukkan kefahaman undang-undang secara sistematik.

Di Negeri Melaka pula, ujian bertulis yang dilaksanakan dalam proses pelantikan peguam syarie mempunyai tujuan yang jelas iaitu menilai tahap pengetahuan dan persediaan calon sebelum diberikan tauliah untuk beramal. Penekanan ujian bertulis ini khususnya terhadap calon yang belum pernah mempunyai tauliah daripada negeri lain supaya calon dapat dinilai sejauh mana mereka benar-benar bersedia dari sudut akademik dan praktikal. Berdasarkan ujian bertulis, panel penilai dapat menilai sama ada calon telah membuat persediaan dan pemahaman yang mencukupi mengenai hukum syarak dan peruntukkan undang-undang yang berkaitan. Oleh itu, apabila seseorang calon lulus ujian bertulis ia membuktikan bahawa calon berkenaan telah memenuhi tahap asas pengetahuan yang diperlukan untuk menggalas tanggungjawab sebagai seorang peguam syarie (Aisah Saleh, 2025).

Pada tahun 2025, Negeri Melaka telah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan ujian bertulis secara atas talian buat kali pertama. Pelaksanaan ini mewajibkan calon untuk hadir dan menjawab soalan ujian yang diperuntukkan dengan markah sebanyak 100 markah. Ujian secara atas talian ini bukan sahaja memudahkan proses pentadbiran malah ia juga lebih efisien kerana keputusan dapat diperoleh secara terus setelah calon menjawab soalan. Berdasarkan pelaksanaan ini telah didapati semakin ramai calon berjaya lulus sekaligus menunjukkan keberkesanan penilaian ini. Calon yang berjaya memperoleh minimum 80 markah membuktikan penguasaan mereka dalam bidang-bidang undang-undang mal, jenayah, faraid dan prosedur mahkamah. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa calon yang lulus bukan sahaja mempunyai kelayakan akademik tetapi telah membuat persediaan rapi sebelum memulakan amalan sebagai peguam syarie (Aisah Saleh, 2025).

Manakala temuduga atau ujian lisan pula bertujuan untuk menilai aspek praktikal dan kemahiran berkomunikasi calon peguam syarie. Berdasarkan sesi ini, calon dapat diuji dari segi kefasihan berhujah, keberanian untuk menyampaikan pandangan dan keupayaan mengemukakan jawapan terhadap persoalan hukum yang dikemukakan oleh panel penilai. Selain itu, temuduga juga menilai tahap akhlak, sahsiah diri dan integriti calon selaras profesion peguam syarie yang menuntut calon

seorang individu yang berakhlak mulia, berdisiplin dan mampu menjaga etika profesion. Oleh itu, ujian lisan berfungsi melengkapkan penilaian bertulis dengan menekankan aspek kemahiran dan profesionalisme.

Tujuan temuduga juga untuk memastikan calon benar-benar berkeupayaan menyelesaikan isu-isu yang mungkin timbul dalam kalangan anak guam dan menilai cara mereka mengatasi sesuatu situasi yang diberikan. Dalam sesi temuduga, calon biasanya akan ditanya berhubung dengan situasi tertentu yang melibatkan persoalan undang-undang, etika dan amalan guaman syarie. Melalui proses ini, panel penilai dapat menilai tahap kemahiran berfikir secara kritis, keupayaan menyusun hujah dan kebolehan calon memberikan penyelesaian yang praktikal dan berlandaskan hukum syarak. Justeru, temuduga berfungsi sebagai penapis terakhir untuk memastikan hanya calon yang benar-benar layak, kompeten dan berwibawa diberi peluang beramal sebagai peguam syarie (Aisah Saleh, 2025).

Kepentingan temuduga juga dapat memastikan dengan lebih jelas tahap penguasaan calon. Walaupun seorang calon sudah pun memiliki tauliah dari negeri lain tetapi tidak semestinya menjamin tahap kompetensi mereka. Ada antara mereka yang masih kurang pengalaman dan tidak mahir dengan prosedur Mahkamah Syariah negeri tertentu atau tidak begitu jelas dengan etika guaman syarie. Ini kerana, undang-undang syariah berdasarkan peruntukkan negeri-negeri masing-masing. Oleh sebab itu, temuduga tetap perlu dijalankan terhadap semua calon sama ada mereka telah memiliki tauliah di negeri lain atau tidak agar panel penilai dapat memastikan tahap pengetahuan dan kecekapan. Oleh itu jelaslah bahawa fungsi temuduga sebagai jaminan kualiti bahawa hanya calon yang benar-benar bersedia, beretika dan kompeten akan dilantik (Aisah Saleh, 2025).

Struktur Dan Kandungan Ujian Bertulis

Di Negeri Johor kandungan Ujian bertulis bagi calon peguam syarie disusun dalam dua bahagian utama iaitu bahagian A dengan peruntukan sebanyak dua puluh markah dan bahagian B yang memperuntukkan lapan puluh markah. Bahagian A menekankan penilaian terhadap aspek akidah yang menjadi asas paling utama kepada setiap calon kerana penguasaan akidah yang benar dianggap sebagai panduan kepada seluruh amalan dan pelaksanaan undang-undang Islam. Selain itu, struktur kandungan bahagian A memberi tumpuan kepada pemahaman mendalam tentang aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi pegangan utama umat Islam di Malaysia.

Penekanan khusus juga diberikan terhadap pemahaman aliran Al-Asy'ariyyah dan Al-Maturidiyyah yang menjadi rujukan utama dan menggariskan prinsip kesahihan akidah umat Islam. Seterusnya, calon peguam syarie diuji berhubung dengan kefahaman tentang sifat-sifat wajib bagi Allah yang menjadi asas tauhid. Selain itu, dalam bahagian ini juga peguam syarie perlu mengetahui konsep qada dan qadar dalam kehidupan manusia.

Dengan adanya elemen-elemen ini, bahagian A bukan sahaja menguji sejauh mana calon berpengetahuan tentang rukun iman dan prinsip akidah malah ia juga untuk memastikan bahawa calon memiliki kefahaman yang selaras dengan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah tanpa dipengaruhi oleh fahaman yang bercanggah dengan pegangan rasmi umat Islam di negara ini. Perkara ini adalah selaras di mana profesion guaman syarie bukan sekadar menuntut kepakaran teknikal namun asas keyakinan agama yang kukuh juga adalah perkara yang sangat penting.

Pada Bahagian B ujian bertulis pula memperuntukkan markah yang lebih besar iaitu sebanyak lapan puluh markah yang menandakan kepentingannya dalam menilai keupayaan calon secara lebih komprehensif. Antara kandungan terpenting dalam bahagian ini ialah penilaian terhadap penguasaan ilmu faraid yang merupakan salah satu disiplin ilmu wajib bagi calon peguam syarie. Kefahaman mengenai ilmu faraid ini tidak boleh dipandang ringan kerana ia melibatkan pengurusan pembahagian harta pusaka yang bersifat sensitif dan kerap menjadi punca pertikaian dalam kalangan masyarakat Islam. Oleh itu, setiap calon diwajibkan lulus dalam bahagian faraid ini sebagai syarat penting yang tidak boleh dikompromi.

Ketidakcekapan dalam menguruskan isu faraid boleh membawa kepada ketidakadilan dalam pembahagian harta pusaka dan boleh menimbulkan pertikaian yang berpanjangan dalam kalangan waris. Oleh itu, meletakkan syarat wajib lulus ilmu faraid dapat memastikan calon peguam syarie benar-

benar menguasai ilmu yang akan digunakan secara langsung dalam amalan guaman syarie. Selain daripada ilmu faraid struktur kandungan Bahagian B juga menekankan penguasaan calon mengenai enakmen-enakmen utama dalam perundangan di Mahkamah Syariah antaranya enakmen undang-undang keluarga Islam, enakmen kesalahan jenayah syariah dan undang-undang berkaitan tatacara mal dan jenayah di Mahkamah Syariah. Ujian ini akan menilai sejauh mana calon memahami kandungan enakmen dan keupayaan mereka untuk mengaitkan peruntukan undang-undang dengan situasi praktikal di mahkamah.

Penguasaan hukum syarak khususnya dalam bidang fiqh munakahat dan lain-lain juga merupakan aspek penting yang dinilai dalam Bahagian B. Hal ini kerana, di Mahkamah Syariah isu berkaitan fiqh munakahat ini telah menjadi fokus utama dalam prosiding Mahkamah Syariah. Dalam ujian ini kefahaman calon tentang prinsip-prinsip asas perkahwinan dalam Islam termasuk syarat sah akad nikah, rukun-rukun pernikahan dan isu-isu yang berkait dengan wali (Musa Awang, 2017).

Bahagian B ujian bertulis ini juga meliputi pemahaman tentang tatacara perbicaraan kes di Mahkamah Syariah bermula daripada pemfailan kes, penyampaian saman, penyediaan hujahan, sehinggalah kepada penghakiman. Pengetahuan dan kemahiran dalam tatacara ini amat penting kerana ia akan menentukan sejauhmana seorang peguam syarie itu dapat mewakili anak guamnya dengan berkesan dan membantu mahkamah melaksanakan keadilan dengan teratur.

Justeru jelas menunjukkan struktur ujian bertulis yang dijalankan kepada calon mewajibkan lulus dalam ilmu faraid, kefahaman akidah, enakmen, hukum syarak dan tatacara perbicaraan adalah dapat membuktikan bahawa tujuan utamanya untuk melahirkan peguam syarie yang bukan sahaja berilmu malah berkeupayaan praktikal, integriti dan berakhlak mulia.

Di Negeri Melaka, struktur kandungan ujian bertulis mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Keseluruhan markah ialah 100 markah. Bahagian A merupakan soalan berbentuk objektif dan mengandungi 30 soalan dengan 60 markah. Bahagian B pula merupakan soalan berbentuk esei dengan 40 markah. Melalui ujian bertulis ini calon akan diuji keseluruhan ilmu yang berkaitan dengan perundangan, fiqh, dan prosedur undang-undang termasuk ilmu faraid (Aisah Saleh, 2025).

Tujuan utama dijalankan ujian bertulis ini adalah untuk menilai tahap pemahaman calon dalam penguasaan ilmu perundangan, fiqh, prosedur dan sebagainya. Justeru jelas menunjukkan struktur ujian bertulis yang dijalankan kepada calon supaya mereka benar-benar menguasai ilmu perundangan syariah dan prosedur di mahkamah syariah.

Prosedur Temuduga Dan Penilaian Panel

Di Negeri Johor, penilaian ujian bertulis berfungsi sebagai saringan utama yang wajib dilalui oleh semua calon peguam syarie sebelum dibenarkan ke peringkat ujian lisan atau temuduga. Kelayakan seseorang untuk menduduki ujian lisan dahulunya telah ditetapkan calon mesti mencapai minimum 75% dalam ujian bertulis. Namun bermula pada tahun 2024 hak kelayakan tersebut telah diselaraskan kepada 60% atas faktor realiti semasa yang menunjukkan ramai calon peguam syarie gagal menepati syarat asal (Halid Sono, 2025).

Kelonggaran yang diberikan ini bukan bermaksud penurunan bagi kualiti seseorang peguam syarie tersebut malah ia lebih kepada menyeimbangkan peluang agar lebih ramai calon berpotensi dapat meneruskan penilaian ke peringkat lisan. Seseorang yang melepasi 60% dalam ujian bertulis maka mereka akan layak dipanggil ke ujian lisan dan kemudian setelah selesai kedua-dua ujian itu Keputusan akhir akan digadungkan untuk menentukan kelulusan muktamad. Gabungan markah ujian bertulis dan ujian lisan calon peguam syarie minima sebanyak 85% telah ditanda sebagai lulus ujian dan akan diterima masuk sebagai peguam syarie (Halid Sono, 2025).

Temuduga pula menekankan aspek penilaian kompetensi praktikal calon di mana ia akan menguji penguasaan asas ilmu akidah, syariah dan akhlak. Penilaian temuduga ini amat penting kerana profesion guaman syarie bukan hanya cemerlang dalam teori malah mahir dalam berhujah, menyusun fakta dan menyampaikan pandangan dengan jelas dan beradab di hadapan mahkamah (Mohamad Dahalan et al., 2019).

Soalan-soalan yang ditanya semasa sesi temuduga kebiasaannya berkaitan akidah dan prinsip syariah diikuti dengan persoalan berkaitan enakmen serta isu-isu yang bersifat aplikasi praktikal. Calon juga akan diuji dengan soalan yang berbentuk senario di mana mereka perlu menjelaskan prosedur perundangan Islam yang relevan. Sebagai contoh, calon diminta untuk menghuraikan prosedur perceraian di Mahkamah Syariah sekali dengan langkah memfailkan kes, penyampaian saman, penyediaan dokumen dan perjalan prosiding sehingga Keputusan diberikan. Temuduga seperti ini adalah penting kerana ia membuktikan bahawa calon peguam syarie dapat mengaplikasikan segala ilmu yang mereka perolehi daripada Latihan dalam kamar bersama firma guaman syarie (Halid Sono, 2025).

Di Negeri Melaka, sesi temuduga ini akan dijalankan beberapa kumpulan. Setiap kumpulan terdapat panel-panel dikalangan pakar dan profesional dalam bidang undang-undang syariah seperti Ketua Hakim Syarie, Penasihat Undang-Undang, Ketua Pendakwaan, Ketua Penguatkuasa Agama, Hakim-hakim Syarie, Pegawai Penyelidik, dan peguam-peguam Syarie Senior yang berpengalaman. Calon akan dipanggil sama ada secara perseorangan atau berkumpulan. Soalan-soalan semasa sesi temuduga ini bergantung kepada panel yang bertanya. Kebiasaannya soalan yang ditanya berkaitan dengan kepakaran bidang masing-masing (Aisah Saleh, 2025). Sebagaimana yang dibincangkan tadi persediaan seseorang calon peguam syarie itu kita dapat lihat daripada ujian yang diberikan dengan menggunakan situasi sebenar yang sering dihadapi dalam guaman syarie seperti penjelasan tatacara mal, tatacara jenayah, prosedur keterangan dan teori-teori undang-undang dan amalan guaman di Mahkamah Syariah.

Pemarkahan Ujian Bertulis Dan Temuduga Dalam Pelantikan Peguam Syarie

Struktur ujian bertulis dan temuduga yang dilaksanakan dalam proses pelantikan peguam syarie merupakan mekanisme yang teliti dan menyeluruh. Ujian bertulis berfungsi menilai asas teori calon dan temuduga pula menguji keupayaan praktikal dan kefahaman mendalam dan paling penting kebolehan calon dalam mengaplikasikan pengetahuan dengan situasi sebenar.

Di Negeri Johor, syarat minimum seseorang calon peguam syarie lulus ujian bertulis adalah sebanyak 60% dan ke atas akan dikira layak untuk dipanggil ujian temuduga. Seterusnya, markah calon bagi temuduga perlu lulus 85% keatas. Kedua-dua markah tersebut akan digabungkan dan dibahagi dua dan purata markah mendapat 85% maka calon tersebut telah dikategorikan lulus ujian. Pemarkahan itu menunjukkan seseorang yang benar-benar berkualiti yang akan diterima masuk sebagai peguam syarie dan beramal di negeri tersebut (Halid Sono, 2025).

Manakala di Negeri Melaka, calon yang berjaya memperoleh minimum 80% markah dalam ujian bertulis. Keputusan ini membuktikan penguasaan mereka dalam bidang-bidang penting seperti undang-undang mal, jenayah, faraid dan maklumat berkaitan prosedur mahkamah. Kemudian calon akan dinilai pula melalui temuduga dengan panel-panel yang dilantik dikalangan profesional dan pakar dalam undang-undang. Antaranya Ketua Hakim Syarie, Mufti, Penasihat undang-undang Negeri, Hakim Syarie Negeri, Pegawai Penyelidik, dan Peguam-peguam senior yang berpengalaman. Markah akan dikira semasa sesi temuduga ini. Markah keseluruhan akan digabungkan dan diteliti tahap kemampuan calon tersebut sama ada layak diterima masuk atau tidak (Aisah Salleh, 2025)

Dengan soalan-soalan yang merangkumi aspek akidah, syariah, enakmen dan sebagainya menunjukkan sistem ini memastikan peguam syarie yang dilantik bukan sahaja berpengetahuan luas malah mereka mempunyai integriti dan kecekapan praktikal. Sistem penilaian ujian bertulis dan temuduga ini menggambarkan kesungguhan pihak berautoriti dalam melahirkan peguam syarie yang benar-benar layak dan berprinsip keadilan yang sebenar.

Cabaran Dalam Pelantikan Dan Pemilihan Peguam Syarie

Pelantikan sebagai peguam syarie ini bukan sekadar melalui proses permohonan tauliah sahaja malah mereka juga perlu mempunyai persediaan ilmu yang tinggi untuk memastikan calon benar-benar layak dan berkeupayaan. Terdapat perbezaan antara negeri-negeri dalam menilai calon peguam syarie. Di mana terdapat sesetengah negeri telah menetapkan syarat yang lebih ringan manakala ada juga negeri yang mengekalkan piawaian yang ketat demi menjamin kualiti. Kesukaran yang dihadapi oleh calon

peguam syarie bukanlah bertujuan untuk menyulitkan proses sebaliknya ingin memastikan calon benar-benar bersedia dari segi ilmu dan kemahiran sebelum diberi pengiktirafan untuk beramal sebagai peguam syarie (Halid Sono 2025).

Oleh itu, Jabatan Agama Islam di Negeri Johor telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan kerjasama bersama Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PPPM) di peringkat negeri untuk membantu calon membuat persediaan awal. Antaranya mereka telah menganjurkan kelas, bengkel dan perkongsian pengalaman agar calon lebih memahami bentuk soalan yang biasa dikemukakan dalam ujian bertulis atau temuduga. Selain itu, himpunan soalan terdahulu juga dibuka kepada calon bagi membolehkan mereka membuat persediaan yang lebih menyeluruh (Halid Sono, 2025). Maka jelaslah bahawa kegagalan seseorang calon itu bukanlah disebabkan ketidakseimbangan sistem malah lebih kepada persediaan calon itu sendiri

Cabaran yang sering dikenal pasti oleh panel penilai ialah penguasaan calon dalam bidang faraid. Hal ini kerana, terdapat sesetengah calon yang langsung tidak menguasai asas ilmu faraid dan gagal menjawab soalan-soalan asas seperti berkaitan ashabul furuq. Situasi ini menimbulkan kebimbangan kerana faraid merupakan ilmu yang wajib dikuasai oleh setiap peguam syarie dan memandangkan ia sering menjadi teras kepada kes-kes pewarisan dan pembahagian harta pusaka di Mahkamah Syariah (Halid Sono, 2025).

Cadangan Penambahbaikan Berkenaan Ketidakselarasan Keperluan Ujian Bertulis Dan Temuduga Dalam Pelantikan Peguam Syarie

Penyelarasan Penilaian Kandungan Dan Markah Ujian

Cadangan penambahbaikan yang boleh diketengahkan ialah mewujudkan satu garis panduan standard berhubung dengan kandungan soalan dan pembahagian markah dalam ujian bertulis dan temuduga. Pada masa kini, setiap negeri menetapkan kandungan dan agihan markah mengikut keutamaan masing-masing contohnya menekankan aspek akidah atau fiqh tertentu, keadaan ini menyebabkan wujud ketidakselarasan dari segi tahap kesukaran, skop pengetahuan dan nisbah markah antara bahagian teori dan bahagian praktikal. Oleh itu, satu garis panduan diperingkat Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang menetapkan piawaian minimum seperti peratusan markah bagi akidah, faraid, enakmen dan tatacara perbicaraan perlu diwujudkan. Dengan adanya garis panduan ini, ia dapat memastikan calon di seluruh negeri diuji secara adil, konsisten dan menepati piawaian profesional yang sama tanpa menjejaskan pengurusan negeri untuk menambah baik aspek penilaian mengikut keperluan masing-masing (Halid Sono, 2025).

Selain itu, penambahbaikan yang dilakukan dengan memperkenalkan sistem penilaian bersepadu yang menggabungkan markah ujian bertulis dan temuduga secara seimbang. Syarat kelulusan pada masa kini adalah mengikut peratusan yang diperolehi yang berbeza mengikut negeri. Penentuan markah seperti ujian bertulis adalah sebanyak 60% dan temuduga 40% daripada keseluruhan markah adalah untuk menjamin tahap kualiti yang seragam. Kaedah ini adalah lebih praktikal kerana ia akan menilai kedua-dua aspek sama ada teori dan juga praktikal secara seimbang. Di samping itu, dengan kaedah ini dapat mengelakkan situasi calon yang hanya cemerlang dalam teori malah terdapat calon yang lemah dalam temuduga tetap diluluskan atau sebaliknya. Oleh itu, penyelarasan ini bukan sahaja mengawal kualiti kelulusan namun ia juga akan meningkatkan integriti proses pelantikan peguam syarie agar setara seluruh negeri (Halid Sono, 2025).

Justeru itu, dari sudut kandungan ujian pula adalah penting diseragamkan topik asas yang menjadi kewajipan untuk diuji dan perlu diberikan perhatian bagi semua calon peguam syarie. Hal ini kerana setiap calon peguam syarie seharusnya mempunyai penguasaan yang kukuh dalam bidang teras seperti Ahli Sunnah Wal Jamaah, ilmu faraid, undang-undang keluarga Islam, kesalahan jenayah syariah dan tatacara prosiding di Mahkamah Syariah dan lain-lain. Walaupun di setiap negeri mempunyai kebebasan untuk menambah kandungan ujian namun topik asas ini perlu dijadikan silibus wajib yang seragam. Keselarasan kandungan ini akan memastikan setiap calon diuji pada tahap pengetahuan yang sama dan dalam masa yang sama dapat mengelakkan percanggahan tahap kelayakan antara calon dari negeri yang berbeza. Oleh itu, profesion guaman syarie dapat mengekalkan reputasi sebagai bidang yang memiliki standard yang tinggi (Halid Sono, 2025).

Sudut pembahagian markah pula dilakukan dengan menetapkan nisbah tertentu yang boleh menjadi rujukan piawaian. Sebagai contoh, kandungan berkaitan akidah boleh diperuntukkan sekurang-kurangnya 20% markah, ilmu faraid sebanyak 25%, enakmen dan undang-undang syariah 30% serta tatacara perbicaraan dan kemahiran guaman 25%. Pembahagian markah yang konsisten seperti ini bukan sahaja memberi penekanan kepada aspek penting yang wajib dikuasai oleh calon malah ia juga mengelakkan ketidakseimbangan penilaian di mana sesuatu aspek mungkin terlalu dipentingkan berbanding aspek lain. Penyeragaman markah juga akan membantu panel penilai calon secara objektif kerana struktur pemarkahan yang jelas telah ditentukan. Dan secara tidak langsung memberikan ketelusan kepada calon mengenai aspek yang perlu diberi penekanan semasa membuat persediaan (Halid Sono, 2025).

Pembukuan Soalan Ujian Beberapa Tahun Terdahulu

Usaha membukukan soalan-soalan ujian bertulis dan temuduga terdahulu sebagai bahan rujukan rasmi kepada calon peguam syarie adalah salah satu cadangan penambahbaikan yang signifikan inisiatif ini dapat menjadi panduan penting bagi calon peguam syarie dalam membuat persediaan menghadapi ujian dan memberi gambaran yang jelas tentang bentuk soalan, tahap kesukaran dan bidang ilmu yang menjadi penekanan panel penilai. Pembukuan soalan ini juga dapat dijadikan satu rujukan ilmiah yang menyumbang kepada penyeragaman kandungan ujian. Hal ini kerana, ia akan menunjukkan pola atau tema penilaian yang konsisten dari tahun-ke tahun (Halid Sono, 2025).

Selain itu, pembukuan soalan ujian bertulis dan temuduga terdahulu adalah lebih wajar dilengkapkan beserta huraian jawapan atau garis panduan penilaian ringkas yang boleh dijadikan rujukan asas. Walaupun ia tidak bertujuan untuk memberikan model jawapan secara mutlak tetapi penjelasan yang diberikan dapat membantu calon memahami pendekatan yang tepat dalam menjawab soalan. Sebagai contoh, cara merangka hujahan berasaskan enakmen tertentu atau bagaimana mengaplikasikan prinsip faraid dalam kes yang kompleks. Oleh itu, ia akan memudahkan calon menilai tahap penguasaan mereka sebelum menduduki ujian yang sebenar. Pembukaan soalan-soalan terdahulu ini secara tidak langsung calon tidak perlu lagi bergantung kepada soalan yang tidak sahih atau sumber yang tidak formal yang mungkin tidak menepati piawaian sebenar ujian (Halid Sono, 2025).

Di samping itu, pembukuan soalan terdahulu ini boleh diperkukuhkan lagi dengan memberikan taklimat rasmi kepada calon sebelum ujian dijalankan. Taklimat yang diberikan adalah merangkumi penjelasan struktur soalan, agihan markah dan kriteria penilaian panel. Pendekatan ini bukan sahaja memudahkan calon untuk membuat persediaan yang tersusun malah ia juga akan meningkatkan tahap profesionalisme dalam proses pelantikan. Dengan adanya taklimat dan buku soalan terdahulu calon peguam syarie bukan sahaja bersedia secara akademik malah mereka akan lebih memahami kehendak sebenar soalan yang bakal mereka hadapi. Secara tidak langsung ia akan meningkatkan tahap kelulusan calon yang benar-benar layak tanpa menjejaskan objektif penilaian (Halid Sono, 2025).

Garis Panduan Ujian Bertulis Dan Temuduga Bagi Calon Peguam Syarie

Peraturan 17 Peraturan-Peraturan Pentadbiran Agama Islam (Peguam Syarie) Negeri Melaka 2022 jelas memperuntukkan bahawa setiap calon peguam syarie hendaklah lulus ujian bertulis dan temuduga sebagai syarat asas bagi memperoleh tauliah. Walaubagaimanapun, peruntukkan ini dalam bentuk yang umum dan menimbulkan kekeliruan dari sudut amalan kerana terdapat calon yang telah mempunyai tauliah di negeri lain tidak lagi perlu menduduki ujian bertulis. Oleh itu, keperluan kepada garis panduan khusus adalah sangat penting bagi menyeragamkan pelaksanaan peraturan dengan lebih jelas dan tidak menimbulkan tafsiran yang bercanggah. Garis panduan ini boleh diterbitkan sama ada melalui Arahan Ketua Hakim Syarie atau kerjasama dengan Persatuan Peguam Syarie Negeri. Dengan adanya garis panduan, peraturan akan lebih praktikal untuk dilaksanakan kerana ia memperincikan tatacara ujian bertulis dan temuduga dan kategori calon yang terlibat (Aisah Saleh, 2025).

Dalam garis panduan itu perlu memperincikan siapakah sebenarnya yang wajib menduduki ujian bertulis dan temuduga. Berdasarkan amalan semasa, calon yang belum pernah memiliki tauliah daripada mana-mana negeri perlu melalui proses ujian bertulis dan temuduga bagi menilai tahap pengetahuan asas undang-undang syariah dan keupayaan mereka sebagai peguam syarie. Namun bagi calon yang

telah mendapat tauliah dari negeri lain seharusnya dikecualikan daripada proses yang sama kecuali jika terdapat keperluan khusus seperti perbezaan ketara dalam enakmen negeri. Dengan adanya perincian ini, calon akan lebih jelas tentang kedudukan mereka sama ada perlu atau tidak menduduki ujian bertulis. Dalam masa yang sama, pihak pentadbiran Mahkamah Syariah juga mempunyai panduan yang konsisten untuk digunakan (Aisah Saleh, 2025).

Selain ujian bertulis, garis panduan juga perlu memperincikan tatacara pelaksanaan temuduga agar proses tersebut dilihat adil dan telus. Temuduga seharusnya dijalankan oleh panel yang terdiri daripada hakim syarie, wakil Majlis Agama Islam Negeri dan seorang peguam syarie yang berpengalaman sebagai ahli panel penilai. Proses temuduga bukan sekadar menilai pengetahuan undang-undang syariah malah menguji etika, keperibadian dan kefahaman calon terhadap tanggungjawab sosial seorang peguam syarie. Garis panduan boleh menetapkan tempoh minimum dan maksimum masa temuduga dan keperluan merekodkan keputusan secara bertulis bagi mengelakkan sebarang dakwaan pilih kasih atau ketidakadilan (Aisah Saleh, 2025).

Peraturan 17(2)(c) yang menyatakan keperluan lulus ujian bertulis dan temuduga boleh dikekalkan sebagai peraturan asas. Namun bagi mengelakkan salah tafsir maka pindaan kecil boleh dilakukan dengan menambah klausa “tertakluk kepada garis panduan” agar membolehkan Ketua Hakim Syarie mengeluarkan arahan pentadbiran yang lebih terperinci. Garis panduan berfungsi sebagai dokumen pelengkap yang lebih mudah untuk dipinda dari semasa ke semasa tanpa perlu menunggu proses pindaan peraturan yang lebih panjang. Selain itu, garis panduan juga boleh digubal dengan Kerjasama persatuan peguam syarie negeri melaka atau badan-badan guaman syarie lain supaya dapat mengambil kira pandangan praktikal daripada pengamal undang-undang sendiri. Oleh itu jelaslah bahawa dengan adanya garis panduan ini dapat memberi penjelasan amalan pelaksanaannya. Pendekatan ini bukan sahaja menambah baik kejelasan undang-undang malah meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap ketelusan sistem pelantikan peguam syarie di Malaysia (Aisah Saleh, 2025).

Penubuhan Jawatankuasa Penggubal Soalan

Selain itu, cadangan penubuhan jawatankuasa penggubal soalan yang khusus bagi ujian bertulis dan temuduga calon peguam syarie. Jawatankuasa ini bertujuan mengatasi kelemahan pengamalan lama di mana soalan yang dicadangkan sering diluluskan tanpa semakan dan boleh menjejaskan kualiti penilaian. Penubuhan jawatankuasa memberi kerangka tadbir urus yang lebih teratur dari peringkat penggubalan, penilaian dan pengesahan soalan dengan prosedur bertulis untuk pemilihan topik dan piawaian aras kesukaran soalan (Aisah Saleh, 2025).

Penubuhan jawatankuasa ini tidak perlu besar tetapi perlu seimbang dan berkemahiran. Cadangan keahlian boleh terdiri daripada seorang hakim syarie atau wakil kehakiman dan seorang peguam syarie senior yang berpengalaman praktikal serta ahli akademik berkepakaran dalam undang-undang syariah dan lain-lain yang boleh dilantik sebagai ahli jawatankuasa penggubal soalan. Tempoh pelantikan perlu ditetapkan sebagai contoh dua atau tiga tahun sekali melantik ahli jawatankuasa baru dengan peraturan yang jelas tentang pengisytiharan kepentingan dan larangan menyemak soalan yang diberikan oleh ahli keluarga sendiri serta keperluan menandatangani perjanjian kerahsiaan (Aisah Saleh, 2025).

Disamping itu, reka bentuk soalan boleh dicadangkan dengan mengikut soalan daripada SPA tetapi disesuaikan dengan konteks kehakiman syariah. Soalan tersebut mestilah mengandungi elemen senang, sederhana dan sukar agar peperiksaan dapat menilai tahap penguasaan dari peringkat ingatan asas hingga analisis dan penerapan prinsip undang-undang. Setiap soalan perlu ada jawapan contoh dan garis panduan pemarkahan yang jelas. Sebagai contoh, soalan berbentuk esei boleh diberikan pecahan markah mengikut hujah atau perenggan. Manakala soalan objektif pula boleh dinilai dari aspek tahap kesukaran dan kebolehan yang membezakan calon yang benar-benar memahami. Oleh itu jelaslah bahawa dengan adanya penubuhan jawatankuasa penggubal soalan bagi calon peguam syarie dapat meningkatkan mutu peperiksaan dan memperkukuhkan keyakinan Masyarakat terhadap standard profesionalisme peguam syarie (Aisah Saleh, 2025).

Kesimpulan

Berdasarkan keseluruhan kajian ini menegaskan bahawa pelantikan peguam syarie bukan sekadar soal kelayakan akademik malah ia turut melibatkan aspek pengetahuan, kemahiran dan integriti yang perlu dinilai melalui ujian bertulis dan temuduga. Ujian bertulis dan temuduga ini merupakan instrumen penting untuk menapis calon yang benar-benar berkelayakan dan memastikan mereka mampu menjalankan tugas dengan profesionalisme dan tanggungjawab. Walaupun peraturan sedia ada telah meletakkan syarat ini secara umum, kajian ini mendapati bahawa pelaksanaannya masih menimbulkan kekeliruan dan ketidakselarasan antara negeri. Oleh itu, ia menuntut kepada satu reformasi dari sudut garis panduan yang lebih jelas, praktikal dan konsisten.

Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa ketidakselarasan mengenai siapa yang wajib menduduki ujian, ketiadaan perincian tatacara temuduga dan kelemahan dalam penyediaan soalan telah menjejaskan keberkesanan proses penilaian. Terdapat keadaan di mana calon yang sudah mempunyai tauliah di negeri lain tidak perlu menduduki ujian namun hakikatnya masih terdapat kekurangan dari sudut pengalaman dan kecekapan. Hal ini membuktikan bahawa ujian bertulis dan temuduga masih relevan dan perlu dilaksanakan secara menyeluruh disertai dengan perincian dan kawalan kualiti yang lebih baik agar ia benar-benar mencerminkan kompetensi calon.

Selain itu, kajian ini mengemukakan beberapa calon penambahbaikan yang signifikan seperti penubuhan jawatankuasa penggubal soalan, penyediaan sistem bank soalan dan pengenalan garis panduan ujian bertulis dan temuduga. Langkah-langkah ini dapat meningkatkan tahap ketelusan, integriti dan kebolehpercayaan dalam proses penilaian. Cadangan ini bukan sahaja bertujuan memperkemas amalan pelantikan tetapi ia juga untuk memastikan profesion guaman syarie terus dihormati dan diyakini masyarakat.

Rujukan

- Abdullah, A., Marzouk, M., & Abubakr, A. (2021). *[Details unavailable—cited in-text]*.
- Abdul Halim El-Muhammady. (2006). *Undang-undang muamalat dan aplikasinya kepada produk perbankan Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Karim Zaidan. (1997). *Nizam al-qadha' fi al-Syariah al-Islamiyyah* (3rd ed.). Risalah Publisher.
- Abidah Abkadir. (2023). *Konsep kepercayaan dan pengurusan zakat*. <https://doi.org/10.55573/JOSSR.062101>
- Abu, N. S., Mohamed, D., & Beshlawy, E. (2015). Mandibular ramus and gonial angle measurements as predictors of sex and age. *Journal of Forensic Research*, 6(5).
- Adams, D. C., Rohlf, F. J., & Slice, D. E. (2013). A field comes of age: Geometric morphometrics in the 21st century. *Hystrix*, 24(1), 7–14.
- Afkaaruna, W. S. H. (2022). *Cryptocurrency in the perspective of Maqasid al-Shariah*. <https://doi.org/10.18196/afkaruna.v18i1.14164>
- Al-Fayyumi. (1926). *Al-Misbah al-Munir*. Al-Matba'at al-Amiriyyah.
- Ali, Z. M., Samiun, H. A., Ahmad, S., & Zain, M. N. M. (2016). Peranan pemerintah dalam pengurusan zakat. *Jurnal Hadhari*, 8(2), 229–244. <https://doi.org/10.17576/jh-2017-0802-02>
- Al-Qaradawi, Y. (1999). *Fiqh al-Zakat*. Dar al-Tawbah.
- Al-Quran.
- Alreshidi, E., Ahmad, A., & Akintoye, A. (2021). Collaborative cloud-BIM. *Journal of Construction Engineering and Management*, 147(8), 04021074.
- Awang, M. (1900). *Peranan peguam syarie di dalam sistem pentadbiran kehakiman Islam di Malaysia* (pp. 1–49).
- Begić, H., et al. (2022). Automation and robotics adoption challenges. *Automation in Construction*, 142, 104492.
- Beaini, T. L., et al. (2015). Human identification through frontal sinus 3D superimposition. *Journal of Forensic and Legal Medicine*, 36, 63–69.

- Bookstein, F. L. (2007). Landmark methods for forms without landmarks. *Medical Image Analysis*, 1(3), 225–243.
- Buck, T. J., & Vidarsdottir, U. S. (2004). Race identification in sub-adult skeletons. *Journal of Forensic Sciences*, 49(6), 1159–1164.
- Cattaneo, C. (2007). Forensic anthropology developments. *Forensic Science International*, 165, 185–193.
- Çağlayan, F., et al. (2014). Morphometric evaluation of the mental foramen. *Journal of Craniofacial Surgery*, 25(6).
- Chole, R. H., et al. (2013). Mandible anatomy association. *ISRN Radiology*, 1–4.
- Deng, X., Zhao, X., & Zhang, L. (2022). ICT-enabled knowledge management. *Journal of Management in Engineering*, 38(4), 04022034.
- Deng, F., et al. (2016). Forensic age estimation from knee MRI. *Forensic Science International*, 268, 145–150.
- Diyah Amalia, I., & Widodo, H. (2024). Pembagian harta waris cryptocurrency. *Posita*, 2(1). <https://doi.org/10.52029/pjhki.v2i1.156>
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002.
- Fan, F., et al. (2016). Age estimation on hand radiographs. *Forensic Science International*, 271, 113–119.
- Faizi. (2023). Are cryptocurrencies haram? *AL-IHKAM Journal*. <https://ejournal.iainmadura.ac.id>
- Fatimah Hj. Mohd Nong v Mohd Azmi Mohd Yaacob [2011] 1 CLJ SYA 285.
- Filigrana, L., et al. (2010). CT virtual autopsy. *Forensic Science International*, 195(1–3), e13–e17.
- Floriane, A., et al. (2016). Biometric method for age estimation. *Forensic Science International*, 271, 113–119.
- Franklin, D. (2010). Forensic age estimation. *Legal Medicine*, 12(1), 1–7.
- Galić, M., et al. (2022). KM discontinuity in project industries. *Construction Management and Economics*, 40(6).
- Halim, A. H., & Bustami, T. A. A. (2017). Pelaksanaan hibah amanah. *Kanun*, 29(2), 310–335.
- Harvati, K., et al. (2017). Mandibular shape morphometrics. *American Journal of Physical Anthropology*, 131(3), 368–383.
- Higgins, P. O. (2000). Morphological variation studies. *Journal of Anatomy*, 197(1), 103–120.
- Huda, N., et al. (2012). *Keuangan publik Islami*. Kencana.
- Hosseini, M. R., Edwards, D. J., & Martek, I. (2023). Barriers to KM tech adoption. *Journal of Building Engineering*, 68, 106210.
- Ibn Faris. (1969). *Mu'jam al-Maqayis al-Lughat*. Maktabah al-Babi al-Halabi.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1961). *Al-Turuq al-Hukmiyyah fi Siyasah al-Syar'iyah*. Mu'assasat al-'Arabiyyah.
- Ismail, R. (2022). *Pelaksanaan hibah amanah dan hibah harta bercagar* (Doctoral dissertation, UKM).
- Itabashi, H. H., et al. (2007). Miscellaneous forensic neuropathology topics. In *Forensic Neuropathology* (pp. 443–464).
- Jariah Yahya v Nor Hasiyah Harun [2010] 3 LNS 19.
- Kamarudin, M. K., Zaman, N., & Razak, R. M. (2019). Thematic analysis of hibah necessity. *al-Qanatir*, 16(1).
- Kaedah-Kaedah Peguam Syarie Negeri Johor 2015.
- Kamali, M. H. (1999). Uncertainty and risk-taking (Gharar) in Islamic law. *IIUM Law Journal*, 7(2).
- Kano, T., et al. (2015). CT morphometry for sex discrimination. *Legal Medicine*, 17(3), 167–171.
- Katuk, N., Wahab, N. A., & Kamis, N. S. (2022). Cryptocurrency estate planning. *Digital Policy, Regulation & Governance*, 25(4), 325.
- Keen, J. A. (1945). A study of the angle of mandible. *Journal of Dental Research*, 24, 77–86.
- Klingenberg, C. P. (2013). Visualizations in morphometrics. *Hystrix*, 24(1), 15–24.
- Laher, A. E., et al. (2016). Ultrasonographic position of mental foramen. *JCDR*, 10(6), OC23–OC27.
- Lilianita, D., & Muchlisin, S. (2019). Transparensi dana zakat. *Jurnal Syarikah*, 5(1).

- MacLeod, N. (2013). Landmarks & semilandmarks. *Palaeontological Association Newsletter*, 82, 1–9.
- Marzouk, M., & Abubakr, A. (2020). Digital transformation drivers. *International Journal of Construction Management*.
- Melaka Hari Ini. (2024, May 23). *Tambah peguam syarie tingkat kualiti Mahkamah Syariah*. <https://www.melakahariini.my>
- Mitteroecker, P., & Gunz, P. (2009). Advances in morphometrics. *Evolutionary Biology*, 36(2), 235–247.
- Mohamad, H., et al. (2019). Peguam syarie in Malaysia. 25(2019), 25–48.
- Mohamed, P. D. S. D. A. A. A. (2020). *Syarie legal profession (Act 166)*.
- Monnazzi, M. S., et al. (2012). Mandibular foramen anatomy. *International Journal of Oral and Maxillofacial Surgery*, 41(1), 74–78.
- Muda, M. Z., Rosdi, N., & Said, N. L. (2023). Legal analysis of trust hibah. *International Journal of Islamic Thought*, 23.
- Musa Awang. (2017). *Peguam Syarie di Malaysia: Realiti & prospek*. Seminar Kebangsaan Mahkamah Syariah.
- Mutis, I., & Hartmann, T. (2021). Digitalisation and KM gap. *Advanced Engineering Informatics*, 47, 101225.
- Naji, K. K., et al. (2024). Organizational readiness factors. *BEPAM*, 14(1).
- Nakajima, S., & Osato, S. (2013). Gonial angle association. *Annals of Anatomy*, 195(6), 533–538.
- Norliza, N., & Wahab, N. A. (2022). Cryptocurrency estate planning. *Digital Policy & Governance*, 25(4).
- Nurfadhilah, I. R., & Sasongko, C. (2019). Web-based accountability for zakat. *APBEC 2018*.
- Ogawa, Y., et al. (2013). Sex estimation in Japanese skulls. *Journal of Forensic Legal Medicine*, 20(4), 234–238.
- Opoku, D., Perera, S., & Osei-Kyei, R. (2022). Digital twins in built environment. *ITcon*, 27, 340–363.
- Othman, N. S. (2021). *Penghakiman hakim syarie dalam kes hibah bersyarat* (Doctoral dissertation, UKM).
- Othman, N. S., et al. (2017). Conditional hibah cases. *Islamiyyat*, 39(2), 135–142.
- Pusat Zakat. (2019). *Indeks Transparansi Organisasi Pengelola Zakat*. Puskas BAZNAS.
- Ruder, T. D., et al. (2016). Validation of post-mortem dental CT. *JFRI*, 5, 25–30.
- Rupa, K. R., et al. (2015). Gonial angle as sex determinant. *IJCMR*, 4(2), 111–116.
- Ruzman, M. N. (2007). Pembuktian harta sepencarian. *Jurnal Syariah*, 15(1), 13.
- Said, N. L. M., Awang, M. R., & Nor, A. H. M. (2012). Conditional hibah in Jordan. *Jurnal Syariah*, 20(3), 309–328.
- Saadon, M. K. K., & Batcho, F. K. B. (2022). Faraid aset digital. MFIFC Proceedings.
- Satoshi Nakamoto. (2025). *Bitcoin information*. Investopedia. <https://www.investopedia.com/terms/s/satoshi-nakamoto.asp>
- Serenko, A. (2021). Future of knowledge management. *Journal of Knowledge Management*, 25(8), 1773–1790.
- Shahin, K. A., et al. (2013). Craniofacial imaging in forensics. *JFRI*, 1(2), 56–62.
- Syams al-Din al-Khatib al-Syarbini. (2000). *Mughni al-Muhtaj* (Vol. 2). Dar al-Kotob al-Ilmiyah.
- Torres, J., et al. (2024). Task–technology fit for digital twins. *Engineering, Construction and Architectural Management*.
- Umar Dhahi. (2024). *Adakah mata wang digital halal atau haram?* <https://daman.reviews>
- Wilayah Persekutuan. (1997). *Akta Keterangan Mahkamah Syariah 1997 (Akta 561)*.
- Zaher, M., et al. (2023). Digital maturity in UAE construction. *Smart and Sustainable Built Environment*, 12(3).
- Zulfakar Ramlee Saad. (2015). Pembuktian dalam kes jenayah Syariah. *Jurnal Kanun*, 1, 122–141.